



HSBC Bank Malaysia Berhad ("HSBC") Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

TARIKH BERKUATKUASA:

18 SEPTEMBER 2020 bagi semua pelanggan baru HSBC

1 NOVEMBER 2020 bagi semua pelanggan sedia ada HSBC setakat 17 September 2020

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik ini:

- adalah terpakai ke atas akaun-akaun Perbankan Komersil yang dibuka dengan, dan perkhidmatan-perkhidmatan Perbankan Komersil tertentu yang dibekalkan oleh, HSBC;
- menjadi sebahagian daripada Lampiran Perkhidmatan bagi Perjanjian Perkhidmatan Utama di bawah Terma-terma & Syarat-syarat Generik;
- hendaklah dibaca bersama dengan Terma-terma & Syarat-syarat Generik.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik ini adalah hanya terpakai setakat ia tidak bertentangan dengan mana-mana undang-undang atau garis panduan kawal atur di Malaysia, antara yang lain, pekeliling dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari masa ke semasa (di mana ia boleh dibaca dan muat turun di www.bnm.gov.my). Oleh yang demikian, HSBC akan memperhatikan undang-undang dan garis panduan kawal atur sedemikian apabila ia melaksanakan hak-haknya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik dan Generik boleh didapati di laman web HSBC di www.hsbc.com.my.

Terma-terma & Syarat-syarat untuk lain-lain produk dan servis boleh didapati di laman web HSBC atau atas permintaan. Sila hubungi cawangan HSBC yang terdekat jika anda memerlukan apa-apa penjelasan.

Sila luangkan masa untuk membaca terma-terma & syarat-syarat ini kerana mereka adalah terikat ke atas anda.

Terima kasih kerana berbankan dengan HSBC.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

AKAUN-AKAUN

1. Akaun Businessvantage/Semasa

- a. Baki-baki kredit tidak akan menghasilkan apa-apa faedah.
- b. Pelanggan mengesahkan bahawa Pelanggan tidak pernah dilaporkan oleh mana-mana bank kepada mana-mana biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mengakui bahawa Bank mempunyai hak untuk menutup akaun tersebut jika Pelanggan dilaporkan sedemikian.
- c. Pelanggan bersetuju untuk menyemak, bahawa:
 - pelanggan telah menerima jumlah buku cek yang betul;
 - setiap buku cek mempunyai jumlah mukasurat cek yang betul;
 - butir-butir akaun yang dicetak adalah betul; dan
 - akan membaca dan melaksanakan semua arahan yang dicetak di sebelah dalam kulit buku cek tersebut; dan jika Pelanggan gagal untuk melakukan mana-mana perkara tersebut, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa Pelanggan mempunyai tanggungjawab-tanggungjawab berikut:
 - memastikan buku cek disimpan dengan selamat dan adalah di bawah kawalan mutlaknya pada semua masa, dan jika Pelanggan gagal berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan; dan
 - tidak menulis cek-cek dalam cara yang boleh membenarkan cek tersebut diubah dengan atau memudahkan firdaus, dan untuk mengambil langkah-langkah berjaga-jaga seperti:
 - hanya menggunakan dakwat yang tidak boleh dipadamkan (bukan pen mata bulat, pensil, mesin taip elektronik atau apa-apa instrument lain yang boleh dipadamkan);
 - tidak meninggalkan cek-cek yang telah ditandatangani atau belum ditandatangani tanpa jagaan;
 - tidak menandatangani cek-cek kosong; dan
 - memusnahkan cek-cek yang rosak dengan sepenuhnya.
- e. Pelanggan bersetuju untuk tidak:
 - menulis apa-apa notasi pada muka depan cek, dan jika apa-apa notasi adalah tertulis, Bank mempunyai hak untuk mengabaikan notasi tersebut tanpa bertanggungjawab kepada Pelanggan;
 - tidak membuat apa-apa perubahan pada cek, dan Bank mempunyai hak untuk tidak menunaikan dan mengembalikan cek tersebut jika Bank berpendapat bahawa terdapatnya perubahan, walaupun perubahan tersebut disahkan dengan tandatangan penandatangan yang diberikuasa; dan



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

1. Akaun Businessvantage/Semasa (bersambung)

- mengisukan cek-cek di mana tiada dana yang mencukupi di dalam akaun, jika tidak caj penalti untuk cek yang dikembalikan disebabkan oleh dana yang tidak mencukupi akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.
- f. Pelanggan mengakui bahawa satu arahan memberhentikan pembayaran hanya boleh dilakukan jika cek tersebut belum lagi dikemukakan untuk pembayaran, dan jika telah dilakukan, tidak boleh dibatalkan dan:
 - perkataan "stop payment" akan diletakkan pada cek tersebut;
 - pengemukaan semula cek tersebut tidak akan dibenarkan; dan
 - fi-fi pengendalian dan caj-caj penalti (jika akaun tidak mempunyai dana-dana yang mencukupi untuk cek tersebut) akan dikenakan dan didebitkan ke dalam akaun.
- g. Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

2. Akaun Time Deposit

- a. Deposit-deposit akan menghasilkan faedah mudah, kecuali dinyatakan sebaliknya secara bertulis oleh Bank.
- b. Faedah pada separuh daripada kadar kontrak akan dibayar di atas deposit-deposit yang dikeluarkan sebelum tarikh matang tertakluk kepada syarat bahawa ianya telah diletakkan lebih dari 3 bulan. Tiada faedah akan dibayar di atas deposit-deposit yang telah dikeluarkan sebelum tarikh matang dan diletakkan untuk 3 bulan atau kurang daripadanya. Mana-mana bayaran faedah akan dibuat pada tarikh matang, atau pada selang masa tertentu pada budibicara Plaintiff.
- c. Kesemua deposit bersama dengan faedah yang dihasilkan hendaklah secara otomatis diperbaharui untuk tempoh yang sama pada tarikh matangnya, kecuali arahan bertulis daripada Pelanggan telah diterima oleh Bank sebelum itu. Pelanggan mempunyai hak untuk memberi dan/atau meminda mana-mana arahan sebelum tarikh matang.
- d. Jika tarikh matang jatuh pada hari bukan perbankan, ia akan ditukar secara otomatis kepada hari perbankan yang berikutnya.
- e. Deposit dana-dana melalui cek adalah tertakluk kepada penunaian cek tersebut.
- f. Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

AKAUN-AKAUN MATAWANG ASING

Pelanggan terlebih dahulu membuka atau mempunyai akaun matawang tempatan.

3. Akaun Semasa Matawang Asing

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan. Bakibaki kredit akaun tidak menghasilkan faedah, tiada buku cek akan dikeluarkan dan tiada pengeluaran melebihi had dibenarkan. Deposit/pengeluaran tunai adalah tidak dibenarkan.
- b. Untuk pengeluaran-pengeluaran/deposit-deposit di kaunter, Pelanggan perlu menyemak nasihat transaksi debit/kredit tersebut untuk memastikan bahawa kemasukan yang tepat telah dibuat, dan jika Pelanggan gagal untuk berbuat demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- c. Kesemua cek dan instrumen monetari lain yang diterima untuk deposit adalah dikreditkan tertakluk kepada pembayaran. Bank merizabkan hak untuk mendebitkan akaun dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal jika cek atau instrumen monetari yang relevan tersebut dikembalikan kemudiannya tanpa bayaran.
- d. Pelanggan mengakui bahawa matawang asing yang didepositkan di dalam matawang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit.
- e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu oleh Bank.
- f. Pelanggan bersetuju bahawa pengendalian akaun adalah tertakluk kepada peraturan kawalan penukaran yang terpakai pada masa kini, dan jika jumlah yang didepositkan melebihi apa-apa had yang dipriskripkan oleh peraturan-peraturan kawalan penukaran:
 - Bank boleh mendebitkan akaun, menukar kelebihan tersebut ke dalam Ringgit pada kadar semasa pembelian Bank dan mengreditkan akaun Ringgit Pelanggan dengan Bank; atau
 - jika Pelanggan tidak mempunyai akaun Ringgit dengan Bank, Bank akan membayar, menyimpan dan/atau memproses kelebihan tersebut dalam cara yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- g. Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

4. Akaun Time Deposit Matawang Asing

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan. Deposit/pengeluaran tunai adalah tidak dibenarkan.
- b. Deposit-deposit akan menghasilkan faedah mudah.
- c. Deposit-deposit tidak boleh dikeluarkan sebelum tarikh matangnya dan jika dibenarkan secara luar biasa, tiada faedah adalah kena dibayar ke atas deposit-deposit tersebut dan Pelanggan hendaklah mempampas Bank untuk jumlah kos-kos penggantian, caj penalti dan apa-apa kerugian yang dikira pada kadar pasaran yang terpakai ini.
- d. Pelanggan mengakui bahawa deposit-deposit matawang asing di dalam matawang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR:
 - akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit; dan
 - arahan-arahan jualan bertulis mestilah diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh matang, jika tidak deposit (bersama dengan faedah yang dihasilkan/menolak faedah sementara) akan diperbaharui secara otomatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang.
- e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu oleh Bank.
- f. Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

5. Akaun Call Deposit Matawang Asing

- a. Satu deposit permulaan minima seperti yang ditetapkan oleh Bank adalah diperlukan. Deposit/pengeluaran tunai adalah tidak dibenarkan.
- b. Kecuali dipersetujui sebaliknya dengan Bank secara bertulis, deposit-deposit akan menghasilkan faedah mudah yang dikira atas dasar harian dan dibayar selepas pengeluaran dan apa-apa peruntukan-peruntukan penguatkuasa.
- c. Kesemua cek dan instrumen monetari lain yang diterima untuk deposit adalah dikreditkan tertakluk kepada pembayaran. Bank merizabkan hak untuk mendebitkan akaun dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal jika cek atau instrument monetary relevan tersebut dikembalikan kemudiannya tanpa bayaran.
- d. Pelanggan mengakui bahawa deposit-deposit matawang asing di dalam matawang selain daripada USD, GBP, HKD, SGD dan EUR:
 - akan menerima nilainya 2 hari perbankan selepas tarikh deposit; dan
 - arahan-arahan jualan bertulis mestilah diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh pengeluaran yang diperlukan; dan
 - arahan-arahan jualan bertulis mestilah diterima oleh Bank 2 hari perbankan sebelum tarikh matang, jika tidak deposit (tidak termasuk faedah yang dihasilkan) akan diperbaharui secara otomatik untuk tempoh yang sama pada tarikh matang.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

5. Akaun Call Deposit Matawang Asing (bersambung)

- e. Pelanggan mengakui bahawa jumlah yang didepositkan tidak boleh diserahkan, dipindah milik atau digadaikan samada melalui pengindorsan atau selainnya kecuali dengan persetujuan bertulis terdahulu oleh Bank.
- f. Pelanggan bersetuju bahawa pengendalian akaun adalah tertakluk kepada peraturan kawalan penukaran yang terpakai kini, dan jika jumlah yang didepositkan melebihi apa-apa had yang dipriskripkan oleh peraturan-peraturan kawalan penukaran:
- Bank boleh mendebitkan akaun, menukar kelebihan tersebut ke dalam Ringgit pada kadar semasa pembelian Bank dan mengreditkan akaun Ringgit Pelanggan dengan Bank; atau
 - pelanggan tidak mempunyai akaun Ringgit dengan Bank, Bank akan membayar, menyimpan dan/atau memproses kelebihan tersebut dalam cara yang difikirkan sesuai oleh Bank.
 - Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

PERKHIDMATAN

6. Kad ATM Perniagaan (BAC)

- a. Definisi-definisi
- (i) **"ATM"** bermaksud mesin juruwang automatik Bank dan mana-mana mesin juruwang automatik yang dioperasikan atau dimiliki oleh mana-mana institusi kewangan yang menerima BAC.
- (ii) **"Akaun ATM"** bermaksud akaun (selain daripada Akaun Utama) yang dispesifikasi oleh Pelanggan untuk pengeluaran tunai dengan menggunakan BAC, Akaun ATM tersebut akan dibiayai oleh Akaun Utama tersebut melalui arahan tetap Pelanggan. Untuk tujuan sekuriti, deposit cek kepada Akaun ATM tersebut tidak akan dibenarkan dan akan didepositkan semula ke dalam Akaun Utama.
- (iii) **"Wakil yang Diberikuasa"** bermaksud mana-mana orang yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menerima dan menggunakan BAC.
- (iv) **"BAC"** (or "Kad ATM Perniagaan") bermaksud satu kad yang diisukan oleh Bank untuk tujuan mengeluarkan tunai dari ATM-ATM dan termasuk mana-mana kad gantian.
- (vii) **"PIN"** bermaksud nombor pengenal peribadi yang diisukan oleh Bank kepada satu Wakil yang Diberikuasa untuk satu BAC dan termasuk mana-mana nombor gantian.
- "Akaun Utama"** bermaksud akaun utama Pelanggan yang dikendalikan dengan Bank, dan jika diingini oleh Pelanggan, boleh juga menjadi akaun untuk pengeluaran tunai dengan menggunakan BAC.
- "Orang yang Tidak Diberikuasa"** bermaksud mana-mana orang selain daripada Wakil yang Diberikuasa yang relevan.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

6. Kad ATM Perniagaan (BAC) (bersambung)

- a. Semua Wakil yang Diberikuasa adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BAC, dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Wakil yang Diberikuasa mempunyai pengetahuan dan mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BAC ini.
- b. Pelanggan adalah bertanggungjawab atas semua transaksi yang dijalankan melalui BAC, samada dijalankan atau tidak oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa.
- c. Pelanggan bersetuju:
 - bahawa BAC dan/ atau PIN boleh dihantar kepada Pelanggan melalui kurier atau pos berdaftar (bukan AR berdaftar) pada risiko Pelanggan dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan jika ia sebenarnya tidak diterima oleh Pelanggan;
 - bahawa BAC dan/atau PIN boleh diambil oleh seorang yang diberikuasa oleh Pelanggan, dan penghantaran oleh Bank kepada orang yang memperkenalkan dirinya sebagai Wakil yang Diberkuasa yang relevan atau orang yang diberikuasa untuk mengambil BAC dan/atau PIN tersebut akan dianggap sebagai penghantaran kepada Pelanggan dan satu pelepasan yang sempurna ke atas Bank;
 - bahawa ia merupakan tanggungjawab Pelanggan untuk menyimpan kesemua BAC dan PIN secara selamat pada semua masa, dan mestilah mengambil langkah-langkah berjaga-jaga supaya menghalang apa-apa perlanggaran keselamatan, seperti:
 - tidak menukar PIN kepada satu nombor yang boleh diteka secara senang atau nombor yang merupakan siri-siri nombor yang berkaitan dengan nombor akaun;
 - tidak mendedahkan PIN kepada sesiapapun (termasuk pekerja Bank), selain daripada Wakil yang Diberikuasa;
 - jangan menulis PIN pada BAC atau penyata akaun atau apa-apa yang berkaitan dengan Bank;
 - memusnahkan apa-apa nasihat daripada Bank mengenai PIN dengan serta merta selepas menerimanya; dan
 - memaklumkan Bank secara serta merta jika Pelanggan mengetahui atau mengesyaki bahawa orang lain mengetahui PIN.
 - bahawa BAC tidak boleh dipindahkan dan hanya boleh digunakan oleh Wakil yang Diberikuasa yang relevan;
 - bahawa kesemua transaksi yang dijalankan dengan menggunakan BAC dan PIN akan dianggap sebagai "transaksi-transaksi yang diberikuasa";

Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.



Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

6. Kad ATM Perniagaan (BAC) (bersambung)

untuk memberikan kepada Bank dokumen-dokumen dan maklumat tentang Wakil yang Diberikuasa, Akaun Utama, Akaun ATM dan BAC tersebut jika diminta oleh Bank; dan

(vi) untuk memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Bank jika terdapat apa-apa penyiasatan atau prosiding guaman berkenaan dengan BAC atau penggunaannya.

d. Setiap pelanggan hanya boleh secara maksimanya mempunyai 4 BAC sahaja. Mana-mana BAC (vii) yang tidak digunakan dalam masa 1 tahun akan menjadi tidak laku, tanpa menjelaskan BAC-BAC lain yang digunakan. Pelanggan akan perlu memohon untuk BAC gantian dan caj penggantian akan didebitkan kepada akaun yang mana BAC gantian tersebut diisukan.

e. Jika satu BAC telang hilang, dicuri atau digunakan oleh Orang yang Tidak Diberikuasa atau mana-mana PIN telah didedahkan kepada Orang yang Tidak Diberikuasa, Pelanggan hendaklah dengan segera memberitahu:

- pengurus cawangan Bank untuk akaun Utama atau Akaun ATM (dalam masa pejabat); atau
- pusat ATM Bank (di luar masa pejabat) melalui telefon, dan diikuti dengan segera satu pengesahan bertulis.

Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak sama ada orang yang membuat pemakluman melalui telefon tersebut adalah sebenarnya wakil Pelanggan yang diberkuasa. Selepas notifikasi diberikan, ia tidak boleh ditarik balik dan rekod Bank tentang masa notifikasi telefon tersebut dibuat akan menjadi bukti konklusif.

Selepas menerima notifikasi telefon tersebut, Bank akan membatalkan BAC tersebut tanpa menunggu pengesahan bertulis. Pelanggan kekal bertanggungjawab untuk transaksi-transaksi (termasuk transaksi yang dinyatakan oleh Pelanggan sebagai transaksi yang tidak diberikuasa) yang telah telah berlaku sebelum pembatalan BAC tersebut oleh Bank.

f. Dalam situasi-situasi selain daripada perenggan (f) di atas, Pelanggan perlu memberitahu Bank secara bertulis jika beliau memerlukan Bank untuk membatalkan mana-mana BAC.

g. Bank boleh pada bila-bila masa dengan notis kepada Pelanggan:

- menarik balik, menggantung atau membatalkan apa-apa BAC; dan/ atau
- menukar had pengeluaran harian untuk BAC; dan Bank tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

h. Sekiranya mana-mana BAC digunakan selepas ia telah ditarik balik, digantung atau dibatalkan, ia akan ditahan secara automatik oleh ATM dan tidak akan dikembalikan kepada Pelanggan.

i. Mana-mana BAC yang ditahan (bagi sebab-sebab dinyatakan di perenggan (i) di atas) oleh ATM yang terletak di:



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

6. Kad ATM Perniagaan (BAC) (bersambung)

- dalam bangunan Bank atau HSBC Amanah (termasuk mana-mana cawangan Bank dan HSBC Amanah) dan tidak dipungut dalam masa 2 hari perbankan dari hari dimana BAC ditahan; atau
 - luar bangunan Bank atau HSBC Amanah (termasuk cawangan-cawangan Bank atau HSBC Amanah), ia akan dimusnahkan dan fi pengeluaran BAC baru akan dikenakan untuk BAC baru.
- j. Semua BAC baru/ gantian yang diminta oleh Pelanggan akan diisukan atas budicara Bank.
 - k. Bank boleh mengenakan (dan, untuk tujuan tersebut, mendebitkan kepada Akaun Utama atau akaun ATM tersebut atau mana-mana akaun dengan Bank):
 - fi pengeluaran BAC baru;
 - (i) fi penggantian untuk BAC terhilang atau yang rosak;
 - (ii) fi tahunan berulang; dan
 - (iii) fi/ caj yang dinyatakan di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbc.com.my.
 - l. Pelanggan mengakui bahawa baki kredit atau debit pada paparan video ATM atau slip nasihat mungkin masih menunggu pengesahan dan kelulusan dan tidak boleh dianggap sebagai penyata mutlak untuk baki akaun memandangkan mungkin ada transaksi-transaksi yang belum selesai atau penjelasan dengan bank-bank lain/ rumah penjelasan. Pelanggan hendaklah merujuk kepada penyata-penyata akaun untuk baki penyata akaun yang muktamad.
 - m. Kesemua BAC adalah hakmilik Bank dan mestilah diserahkan oleh Pelanggan atas permintaan Bank atau penutupan akaun.
 - n. Jika mana-mana yang berikut berlaku, Bank mempunyai hak untuk memberhentikan dengan serta merta semua BAC dan Pelanggan mesti memulangkan semua BAC kepada Bank:
 - (ii) apa-apapetisyen yang dikemukakan atau perintah yang dibuat oleh mahkamah atau resolusi yang diluluskan untuk kebankrapan, pengulungan atau pembubaran atau perlantikan pelikuidasi, penerima, pengurus, pemegang amanah atau pengawai yang serupa ke atas Pelanggan; atau
 - (i) apa-apapdistres atau pelaksanaan dilaksanakan ke atas mana-mana aset Pelanggan; atauAkaun Utama atau akaun ATM tersebut ditutup.
 - o. Kesemua pengeluaran tunai daripada ATM adalah tertakluk kepada:
Had harian yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa dimana ia boleh dikurangkan oleh Pelanggan dengan arahan bertulis diserahkan kepada kaunter Bank;



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

6. Kad ATM Perniagaan (BAC) (bersambung)

caj-caj yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank; dan

baki sedia ada di dalam akaun adalah mencukupi untuk meliputi jumlah wang yang dikeluarkan berserta dengan caj-caj.

- (ii)
- p. Bank mempunyai hak untuk membenarkan, pada budicaranya, sesiapa Pelanggan kepada satu akaun bersama yang tidak lagi mempunyai kuasa bersama untuk terus menggunakan BAC tersebut sehingga BAC tersebut diserahkan dan diakui-terima oleh Bank secara bertulis.
 - q. Pelanggan bersetuju bahawa pengeluaran tunai daripada ATM di luar Malaysia akan didebitkan ke akaun Pelanggan selepas menuarkannya kepada Ringgit Malaysia pada kadar semasa pertukaran yang ditentukan oleh Bank atau skema kad (card scheme) yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pad tarikh penukaran di samping kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% dan apa-apa fi transaksi yang dikenakan oleh Bank atau skema kad (card scheme) yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan.
 - r. Pelanggan mengakui bahawa ATM dan kemudahan automatik lain adalah tidak dikonfigurasikan untuk kegunaan cetakan orang kurang upaya atau orang cacat penglihatan dan Pelanggan tersebut tidak akan menjadikan Bank bertanggungjawab untuk pengeluaran BAC kepada Pelanggan tersebut dan untuk semua tindakan, guaman, prosiding, tuntutan, permintaan, kerugian, kos, kerosakan dan apa-apa perbelanjaan yang mungkin terjadi disebabkan kegunaan BAC di ATM atau kemudahan automatik lain.
 - s. Pelanggan bersetuju untuk melepaskan Bank daripada kesemua liabilitinya dan membayar gantirugi kepada Bank untuk kesemua kerugian, fi, kos, caj, cukai, duti, levi dan perbelanjaan (termasuk kos guaman) yang mana Bank akan menanggung atau membelanjakan dan yang mana telah timbul sama ada secara terus atau tidak terus berkenaan dengan pengekalan dan penggunaan BAC/ PIN (i) oleh Pelanggan dan Wakil yang Diberikuasa, dan (ii) oleh mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa yang memperolehi akses kepada BAC/ PIN akibat kecuaian atau kesilapan Pelanggan (dimana Pelanggan akan bertanggungjawab untuk kesemua transaksi-transaksi yang dilakukan sehingga PIN dibatalkan oleh Bank). Dalam perkara ini, Bank diberikuasa untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan jumlah-jumlah tersebut.
 - t. Apa-apa notis atau komunikasi yang diberi oleh Pelanggan kepada Bank berkenaan dengan BAC mestilah disahkan secara bertulis dan disampaikan atau dihantar melalui pos berdaftar ke cawangan Bank akaun untuk Akaun Utama atau akaun ATM tersebut dan dalam situasi-situasi selain daripada perenggan (f) di atasa, akan berkuatkuasa hanya selepas penerimaan pengesahan bertulis tersebut oleh Bank.
 - u. Penggunaan BAC adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang berkenaan. Sekiranya terdapat apa-apa peranggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang berkenaan, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

6. Kad ATM Perniagaan (BAC) (bersambung)

Terma-terma dan Syarat-syarat BAC ini; dan

Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang berkenaan dengan Akaun Utama atau akaun ATM tersebut.

(i) 7. Peringatan SMS Perniagaan (BSA)

(ii) a. Definisi-definisi

“BSA” (a “Peringatan SMS Perniagaan”) bermaksud perkhidmatan pembekalan Maklumat kepada Pelanggan melalui SMS.

- (i) **“Maklumat”** bermaksud maklumat dan data yang sedia ada kepada Pelanggan melalui BSA, yang dibekalkan samada oleh Bank atau Pembekal Maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat akaun dan Maklumat yang Dibayar.

- (ii) **“Pembekal Maklumat”** bermaksud satu pembekal pihak ketiga Maklumat tersebut termasuk pihak dari mana ia memperolehi apa-apa maklumat.

- (iii) **“Pengguna yang Dicalonkan”** bermaksud mana-mana orang yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menggunakan BSA.

- (iv) **“Maklumat yang Dibayar”** bermaksud direktori Bank tentang lokasi cawangan, telefon hotline perbankan komersil, harga saham Bursa Malaysia dan maklumat lain yang boleh dimasukkan dari masa ke semasa.

“SMS” bermaksud perkhidmatan mesej pendek dengan menggunakan telefon bimbit.

- b. Pengguna yang Dicalonkan adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BSA, dan Pelanggan akan memastikan bahawa Pengguna yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini.

- c. Tertakluk kepada perenggan (j) di bawah, notifikasi SMS tersebut akan disiarkan seperti berikut:

- pada hari yang sama, untuk transaksi-transaksi yang dijalankan pada masa perbankan biasa;
- pada hari perbankan yang berikutnya, untuk transaksi-transaksi yang dijalankan selepas masa perbankan biasa;
- pada hari perbankan berikutnya yang sedia ada, untuk transaksi-transaksi yang dijalankan selepas masa perbankan biasa, di mana hari berikutnya bukanlah hari (hari-hari) perbankan. Satu “hari perbankan” dan “masa perbankan biasa” adalah merujuk kepada cawangan utama Bank di No. 2, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia.

- d. Notifikasi SMS hanya akan dihantar untuk jenis-jenis transaksi-transaksi yang dinyatakan dalam borang permohonan BSA (transaksi-transaksi tunai adalah dikecualikan secara spesifik).



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

7. Peringatan SMS Perniagaan (BSA) (bersambung)

- e. Pelanggan boleh memohon untuk menerima Maklumat yang Dibayar melalui BSA, tertakluk kepada caj-caj Bank termasuk caj-caj oleh operator rangkaian bimbit.
- f. Disebabkan oleh sifat BSA dan kejadian-kejadian yang di luar kawalan Bank, Bank tidak boleh menjamin bahawa notifikasi SMS dan/atau Maklumat yang dibekalkan melalui BSA (terutamanya harga-harga saham Bursa Malaysia oleh satu Pembekal Maklumat) adalah tepat. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan disebabkan oleh penggunaan BSA atau pergantungan kepada notifikasi SMS dan/atau Maklumat tersebut.
- g. Maklumat yang dibekalkan melalui BSA bukan satu tawaran atau jemputan oleh Bank untuk membeli atau menjual apa-apa barang, perkhidmatan, atau sekuriti manapun satu tawaran nasihat pelaburan, guaman, perakaunan, cukai atau kewangan.
- h. Pelanggan boleh memberhentikan penggunaan BSA dengan memberikan kepada Bank satu notis bertulis terdahulu selama 30 hari.
- i. Pelanggan dan Pengguna yang Dicalonkan hendaklah mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini dan arahan-arahan dan/atau prosedur Bank untuk penggunaan BSA, dan jika mereka gagal untuk melakukan sedemikian, Bank akan:
 - (i) tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Pengguna yang Dicalonkan; dan
 - (ii) mempunyai hak untuk menggantung atau memberhentikan penggunaan BSA.
- j. Pelanggan mengakui bahawa Pengguna yang Dicalonkan mungkin menerima sejumlah mesej SMS yang banyak yang dihantar pada bila-bila masa dan bersetuju untuk tidak membawa apa-apa tindakan terhadap Bank untuk kacau-ganggu berkenaan dengan penerimaan mesej-mesej SMS tersebut.
- k. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan berkenaan dengan BSA akibat:
 - kerosakan atau ketidak-fungsian komputer, talian-talian sambungan terminalnya, sistem-sistem pemprosesan data-data atau talian-talian penghantaran; atau
 - Apa-apa keadaan yang di luar kawalan Bank; atau
 - apa-apa sebab lain (melainkan dan kecuali untuk apa-apa kecuaian melampau atau salah laku sengaja di pihak Bank, dalam keadaan ini liabiliti Bank adalah terhad kepada kerugian sebenar dan langsung yang dialami, tidak termasuk apa-apa kerugian secara sampingan, khas, berbangkit atau kerugian teladan atau apa-apa kehilangan penggunaan, pendapatan, keuntungan atau simpanan, gangguan perniagaan, kehilangan data, kehilangan nama baik.)



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

7. Peringatan SMS Perniagaan (BSA) (bersambung)

- i. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa sifat ju yang mana akan ditanggung, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada penggunaan BSA oleh Pelanggan dan/atau bertindak atas apa-apa arahan atau kuasa yang diterima melalui BSA yang dikatakan datang daripada Pelanggan atau Pengguna yang Dicalonkan. Indemniti ini akan berterusan walaupun BSA ditamatkan dan/atau akaun.
- m. Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat yang diminta oleh Bank secara munasabah dari masa ke semasa untuk tujuan BSA.
- n. Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis dengan serta merta untuk memberhentikan akses kepada BSA oleh Pengguna yang Dicalonkan apabila:
 - Pelanggan mengesyaki bahawa terdapat salahlaku oleh Pengguna yang Dicalonkan; atau
 - Pengguna yang Dicalonkan berhenti menjadi agen Pelanggan.
- o. Pelanggan mengetahui bahawa Bank tidak mempunyai kewajipan untuk mengesahkan identiti orang yang menerima notifikasi SMS dan/atau Maklumat tersebut selain daripada memastikan bahawa ia telah dihantar kepada nombor telefon bimbit yang betul (dinyatakan pada borang permohonan BSA tersebut atau seperti yang dikemaskinikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa).
- p. Setiap akaun dengan BSA adalah tertakluk kepada satu caj perkhidmatan bulanan seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbc.com.my. Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan caj perkhidmatan bulanan daripada mana-mana akaun Pelanggan.
- q. Bank merizabkan hak untuk memperkenalkan ciri-ciri baru untuk BSA tertakluk kepada terma-terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
- r. Bank merizabkan hak untuk melantik agen (agen-agen) untuk memperuntukkan semua atau sebahagian daripada BSA, dan rujukan-rujukan dalam Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini kepada "Bank" termasuk agen (agen-agen) tersebut termasuk dalam klausula-klausula penghadan liabiliti.
- s. Sebagai tambahan kepada apa yang dinyatakan dalam Terma-terma & Syarat-syarat Generik di bawah klausula "Notis", notis-notis kepada Pelanggan di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini boleh diberikan oleh Bank secara elektronik atau melalui BSA, dan akan dianggap sebagai diterima serta merta selepas transmisi kepada nombor faksimili, nombor teleks, alamat emel atau nombor telefon bimbit terakhir yang diberitahu secara bertulis oleh Pelanggan kepada Bank.
- t. Bank dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang perlindungan data dan undang-undang bagi tujuan-tujuan serupa yang lain yang terpakai dalam semua bidangkuasa yang relevan. Pelanggan mengakui bahawa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk mendapatkan persetujuan bertulis yang wajar daripada pekerja-pekerja dan orang-orang lain sebelum data peribadi dan/atau data-data lainnya dihantar, diproses atau dikendalikan melalui



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

7. Peringatan SMS Perniagaan (BSA) (bersambung)

- BSA. Pelanggan bersetuju untuk memberikan Bank salinan-salinan persetujuan-persetujuan tersebut apabila diminta.
- u. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Kumpulan HSBC terhadap semua kos, penalti, kerosakan dan kerugian lain yang dikeluarkan disebabkan oleh apaapa kemungkinan oleh Pelanggan tentang peruntukan ini. Indemniti ini hendaklah berterusan walaupun BSA ditamatkan dan/atau akaun ditutup.
 - v. Penggunaan BSA adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut;
 - Terma-terma & Syarat-syarat BSA ini; dan
 - (i) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.
 - (ii)

8. Laporan Cek Perniagaan (BCR)

- a. Definisi-definisi
 - (i) **“BCR”** (or “Laporan Cek Perniagaan”) bermaksud perkhidmatan yang membekalkan Maklumat BCR kepada Pelanggan melalui E-mel Enkripsi yang dihantar kepada Pengguna-pengguna yang Dicalonkan.
 - (ii) **“Maklumat BCR”** bermaksud data yang berkaitan dengan cek-cek yang kena dibayar kepada Pelanggan yang didepositkan untuk pungutan melalui QSM, dan telah dijelaskan dan dibayar ke dalam akaun Pelanggan dengan Bank.
 - (iii) **“E-mel Enkripsi”** bermaksud mel elektronik yang dienkripsi dan dihantar dan/atau diterima melalui laman web khusus yang diacarakan kepada server entity kumpulan HSBC yang terletak samada di dalam atau di luar Malaysia.
 - (iv) **“Pengguna Yang Dicalonkan”** bermaksud mana-mana orang (orang-orang) yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menerima Maklumat BCR melalui BCR.
 - (v) **“Kata Laluan”** bermaksud kata laluan yang digunakan oleh Pengguna yang Dicalonkan untuk mengakses E-mel Enkripsi.
 - (vi) **“QSM”** bermaksud mesin deposit cek otomatik Bank.
 - (vii) **“Orang Yang Tidak Diberikuasa”** bermaksud mana-mana orang selain daripada Pengguna Yang Dicalonkan.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

8. Laporan Cek Perniagaan (BCR) (bersambung)

- b. Semua Pengguna Yang Dicalonkan merupakan wakil kepada Pelanggan apabila menggunakan BCR dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Pengguna Yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi dengan Terma-terma dan Syarat-syarat BCR ini.
- c. Maklumat BCR akan dihantar kepada Pengguna Yang Dicalonkan melalui BCR pada hari perbankan berikutnya selepas penjelasan dan pembayaran dibuat ke dalam akaun Pelanggan dengan Bank. "Hari perbankan" adalah rujukan kepada cawangan utama Bank di No. 2, Lebuh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia. Semua rujukan kepada waktu dan tarikh yang dinyatakan di dalam E-mel Enkripsi adalah merujuk kepada waktu dan tarikh di Malaysia melainkan dinyatakan secara spesifik oleh Bank.
- d. Pelanggan dan setiap Pengguna Yang Dicalonkan bersetuju kepada penggunaan Emel Enkripsi dan server-server ditempatkan di luar Malaysia.
- e. Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa pengaksesan oleh Pengguna Yang Dicalonkan kepada BCR hendaklah melalui komputer yang dilengkapi dengan perisian anti-virus dan anti-spyware yang dikemaskini, dan Pengguna Yang Dicalonkan menyimpan Kata Laluan dengan selamat pada semua masa dan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga dengan teliti untuk mengelakkan apa-apa pengaksesan oleh mana-mana Orang Yang Tidak Diberikuasa.
- f. Pelanggan boleh menamatkan penggunaan BCR dengan memberikan notis terdahlu secara bertulis selama 30 hari kepada Bank.
- g. Pelanggan dan Pengguna Yang Dicalonkan hendaklah mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat BCR ini dan arahan-arahan Bank dan/atau prosedur-prosedur untuk penggunaan BCR,
 - (i) jika mereka gagal berbuat demikian, Bank akan:
 - tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh pelanggan atau Pengguna Yang Dicalonkan; dan
 - berhak untuk menggantungkan atau menamatkan penggunaan BCR.
 - (ii) Pelanggan mengakui bahawa BCR boleh diakses melalui internet iaitu satu sistem awam di mana Bank tidak boleh mengawal, dan tiada jaminan diberikan oleh Bank atau mana-mana entiti di dalam kumpulan HSBC bahawa BCR adalah bebas daripada virus-virus komputer yang akan memberi kesan tidak baik kepada perkakasan atau perisian yang digunakan oleh Pelanggan dan/atau Pengguna Yang Dicalonkan.
- i. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan dan/atau Pengguna Yang Dicalonkan berkaitan dengan BCR, termasuk tetapi terhad kepada:
 - Maklumat BCR yang salah;
 - kehilangan atau kemasuhan data, perisian, perkakasan, rangkaian komputer, telekomunikasi-telekomunikasi atau apa-apa peralatan;



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

8. Laporan Cek Perniagaan (BCR) (bersambung)

- ketidaksesuaian, kelewatan atau gangguan ke atas BCR yang disebabkan oleh ketidadaan bekalan elektrik, kerosakan atau ketidak-fungsian peralatan, kemudahan-kemudahan, sistem-sistem komputer, sistem-sistem pemprosesan data, telekomunikasi-telekomunikasi atau rangkaian-rangkaian komunikasi data, jalur-jalur terminal sambungan atau jalur-jalur penghantaran; atau
- (iii) apa-apa sebab lain (melainkan dan kecuali untuk apa-apa kecuaian melampau atau salah laku sengaja di pihak Bank, dalam keadaan ini liabiliti Bank adalah terhad kepada kerugian sebenar dan langsung yang dialami, tidak termasuk apa-apa kerugian secara sampingan, khas, berbangkit atau kerugian teladan atau apa-apa kehilangan penggunaan, pendapatan, keuntungan atau simpanan, gangguan perniagaan, kehilangan data, kehilangan nama baik.)
- j. Pelanggan bersetuju untuk membayar gatirugi kepada Bank terhadap semua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat jua yang ditanggung, dialami atau dibelanjakan oleh Bank akibat daripada penggunaan BSA oleh Pelanggan.
- k. Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat-maklumat seperti yang diperuntukkan oleh Bank secara wajarnya dari masa ke semasa bagi tujuan BCR.
- l. Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan Bank dengan serta merta secara bertulis untuk
- (i) menamatkan pengaksesan BCR oleh Pengguna Yang Dicalonkan apabila:
- (ii) Pelanggan mengesyaki apa-apa kejanggalan pada pihak Pengguna Yang Dicalonkan;
- Pengguna Yang Dicalonkan berhenti menjadi wakil kepada Pelanggan.
- m. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk menentusahkan identiti orang yang menerima Maklumat BCR melalui BCR selain daripada memastikan bahawa ianya dihantar ke alamat mel elektronik yang betul (yang dinyatakan di dalam borang permohonan BCR atau seperti yang dikemaskinikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa).
- n. Setiap akaun denga BCR adalah tertakluk kepada caj perkhidmatan bulanan seperti yang dinyatakan pada masa kini di dalam Caj-caj dan Tarif Bank di dalam laman web Bank di www.hsbc.com.my dan Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan caj perkhidmatan bulanan tersebut ke dalam mana-mana akaun Pelanggan.
- o. Bank merizabkan hak untuk memperkenalkan ciri-ciri baru BCR tertakluk kepada terma-terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
- p. Sebagai tambahan kepada yang disebutkan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Generik di bawah klausula "Notis-notis", notis-notis kepada Pelanggan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat BCR ini boleh diberikan oleh bank secara elektronik atau melalui BCR dan akan dianggap sebagai telah diterima secara serta merta selepas transmisi ke nombor faksimili, nombor teleks, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit terakhir yang dimaklumkan secara bertulis oleh Pelanggan kepada Bank.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

8. Laporan Cek Perniagaan (BCR) (bersambung)

- q. Bank dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang perlindungan data dan undang-undang bagi tujuan-tujuan serupa lain yang terpakai di dalam semua bidangkuasa yang relevan. Pelanggan mengakui bahawa ianya merupakan tanggungjawab Pelanggan untuk mendapatkan satu persetujuan bertulis yang wajar daripada pekerja-pekerja dan orang-orang lain sebelum data peribadi dan/atau data-data lainnya dihantar, diproses atau dikendalikan melalui BCR. Pelanggan bersetuju untuk memberikan salinan-salinan persetujuan tersebut kepada Bank jika diminta.
- r. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Kumpulan HSBC terhadap semua kos, penalti, kerosakan dan kerugian lain yang ditanggung akibat daripada kemungkiran Pelanggan dalam mematuhi peruntukan ini. Tanggungan gantirugi ini akan berterusan walaupun penamatkan BCR dan/atau penutupan akaun.
- s. Penggunaan BCR adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:
 - (i) Terma-terma dan Syarat-syarat BCR ini; dan
 - (ii) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB)

- (i) a. Definisi-definisi
- (ii) **“Wakil yang Diberikuasa”** bermaksud mana-mana orang yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menggunakan BTB.
- (iii) **“BTB”** (or **“Perbankan Telefon Perniagaan”**) bermaksud saluran komunikasi dengan Bank dengan menggunakan telefon tekan butang tona (push button tone telephone) untuk memberikan arahan-arahan untuk transaksi-transaksi perbankan dan untuk menerima maklumat daripada Bank.
- (iv) **“PBN”** (or **“Nombor Perbankan Peribadi”**) bermaksud pengenalan istimewa yang diisukan kepada setiap Wakil yang Diberikuasa untuk BTB.
- (v) **“PIN”** (or **“Nombor Pengenalan Peribadi”**) bermaksud aturan nombor-nombor yang diisukan kepada atau diambil oleh mana-mana Wakil yang Diberikuasa untuk menggunakan BTB.
- “Orang yang Tidak Diberikuasa”** bermaksud mana-mana orang selain daripada Wakil yang Diberikuasa yang relevan.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

b. BTB

Bank mempunyai hak untuk memberhentikan atau mengubah dari masa ke semasa, apa-apa bahagian BTB termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- memperkembangkan atau mengurangkan BTB;
- (i) • mengenakan atau mengubah apa-apa halangan atas penggunaan BTB seperti had harian minima dan maksima untuk apa-apa transaksi perbankan melalui BTB; dan
- menetapkan atau mengubah masa perkhidmatan untuk BTB dan apa-apa masa pemberhentian (cut-off) harian yang terpakai. Arahan-arahan yang diterima oleh Bank selepas masa pemberhentian harian tersebut mungkin diproses pada hari perbankan seterusnya.

Pelanggan bersetuju untuk mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini, dan memastikan bahawa BTB adalah digunakan dengan berhati-hati dan suci hati. Wakil yang Diberikuasa adalah agen Pelanggan semasa menggunakan BTB, dan Pelanggan akan memastikan bahawa Wakil yang Diberikuasa sedar dan mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini.

- (iii) (ii) Jika Bank berpendapat bahawa Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa telah memungkiri Terma-terma & Syarat-syarat BTB, Bank akan:
- tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa; dan
 - (i) • mempunyai hak untuk menggantung atau memberhentikan penggunaan BTB.

c. Prosedur Pendaftaran, PBN dan PIN

Setiap Wakil yang Diberikuasa akan diberikan satu PBN dan PIN.

PBN dan PIN tersebut:

- (iii) (ii) • hendaklah dihantar secara berasingan, samada melalui pos atau mana-mana cara lain yang ditentukan oleh Bank, kepada Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa atas risiko Pelanggan; atau
- boleh diambil oleh seorang yang diberikuasa oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa, dan penghantaran oleh Bank kepada orang yang memperkenalkan dirinya sebagai Wakil yang Diberikuasa yang relevan atau orang yang diberikuasa untuk mengambil PBN dan/atau PIN tersebut akan dianggap sebagai penghantaran kepada Pelanggan dan satu pelepasan yang sempurna ke atas Bank.

Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa jika PBN dan/atau PIN tersebut sebenarnya tidak diterima.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

Pelanggan dan setiap Wakil yang Diberikuasa akan dengan berhati-hati dan suci hati memastikan PBN dan PIN selamat pada semua masa, dan tidak akan pada bila-bila masa mendedahkan PBN dan PIN kepada mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa.

- (iv) Pelanggan akan menanggung risiko untuk apa-apa pendedahan PBN dan/atau PIN tersebut kepada mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- (v) Jika BTB digunakan oleh Orang yang Tidak Diberikuasa, atau PBN dan/atau PIN tersebut adalah didedahkan kepada Orang yang Tidak Diberikuasa, Pelanggan akan memberitahu Bank dengan segera melalui telefon (pada nombor telefon yang diindikasikan oleh Bank untuk tujuan sedemikian), diikuti dengan satu pengesahan bertulis secara segera.
- (vi) Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak samada orang yang membuat pemberitahuan melalui telefon tersebut adalah sebenarnya wakil Pelanggan yang diberikuasa. Selepas notifikasi telefon diberikan, ia tidak boleh ditarik balik dan rekod Bank tentang masa notifikasi telefon tersebut dibuat akan menjadi bukti konklusif.
- (vii) Selepas menerima notifikasi telefon tersebut, Bank akan menggantung dan/atau membatalkan BTB untuk akaun (akaun-akaun) Pelanggan dan/atau membatalkan PBN dan/atau PIN tersebut tanpa menunggu pengesahan bertulis. Pelanggan kekal bertanggungjawab untuk transaksi-transaksi yang tidak diberikuasa yang dijalankan dengan menggunakan BTB sebelum notifikasi telefon tersebut sebenarnya diterima oleh Bank.
- (i) Pelanggan dan/atau Wakil yang Diberikuasa boleh diberikan PBN dan/atau PIN baru atas budibicara Bank.

(d) Arah-an arahan

Setiap Wakil yang Diberikuasa perlu memasukkan PBN dan PIN tersebut (dan/atau mana-mana pengenalan yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa) untuk membolehkan BTB digunakan.

Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk menganggap semua arahan yang diterima oleh Bank melalui BTB sebagai arahan-arahan yang diberikuasa oleh Pelanggan secara sempurna, walaupun ia bertentangan dengan apa-apa mandat yang sedia ada untuk akaun tersebut. Tertakluk kepada perenggan (d)(i) di atas, Bank tidak mempunyai kewajipan untuk menyemak identiti atau kuasa orang yang memberikan arahan-arahan tersebut.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kelengahan yang dialami oleh Pelanggan jika arahan-arahan yang diberikan melalui BTB adalah tidak tepat, tidak lengkap atau kurang jelas.

- (iii) Apa-apa arahan yang diberikan melalui BTB tidak boleh dibatalkan atau diubah tanpa kebenaran Bank. Jika Pelanggan meminta Bank untuk membatalkan atau mengubah apa-apa arahan, Bank akan menggunakan usaha-usaha yang munasabah untuk melakukan sedemikian, tetapi Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia gagal untuk mematuhi permintaan Pelanggan.

- (iv) Pelanggan bersetuju bahawa semua arahan yang diberikan melalui BTB akan dilaksanakan tertakluk kepada Terma-terma & Syarat-syarat Generik, dan akan terikat ke atas Pelanggan sebaik sahaja ianya dilaksanakan oleh Bank dengan suci hati.

- (v) Bank mempunyai hak untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan dengan apa-apa jumlah yang Bank telah bayar atau tanggung, termasuk caj-caj perkhidmatan dan fi-fi transaksi, disebabkan pelaksanaan arahan yang diberikan melalui BTB.

- (vi) Bank mempunyai budibicara, tanpa bertanggungjawab, untuk enggan untuk melaksanakan atau menangguh dalam melaksanakan arahan yang diberikan melalui BTB jika:

- ia akan menyebabkan had yang terpakai dilebihi;
- Bank mempunyai sebab untuk percaya bahawa terdapat satu pelanggaran sekuriti; atau
- Bank telah memberhentikan BTB untuk akaun (akaun-akaun) Pelanggan menurut perenggan (m) di bawah.

- (vii) dan Bank akan memberitahu Pelanggan tentang perkara ini secepat mungkin yang praktikal.

- (ix) Pelanggan mengakui bahawa sesuatu transaksi perbankan mungkin tidak boleh dilaksanakan secara serta merta selepas arahan tersebut diberikan melalui BTB, kerana sesetengahnya boleh mengambil masa untuk diproses atau hanya boleh diproses semasa masa perbankan biasa walaupun BTB boleh digunakan di luar masa-masa tersebut. **“Masa perbankan biasa”** adalah merujuk kepada cawangan utama Bank di No. 2, Lebuh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia.

Apa-apa kadar pertukaran, kadar faedah dan maklumat lain yang diberikan oleh Bank melalui BTB adalah untuk maklumat umum sahaja dan tidak terpakai kepada apa-apa transaksi perbankan yang spesifik. Kadar yang terpakai untuk satu transaksi perbankan yang spesifik adalah kadar yang ditawarkan oleh Bank dan diterima oleh Pelanggan untuk transaksi perbankan yang spesifik tersebut.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

e. Rakaman BTB

Semua panggilan telefon melalui BTB akan dirakamkan. Rakaman-rakaman tersebut, sebagai harta Bank sepenuhnya, akan menjadi terikat secara konklusif ke atas Pelanggan dan Bank merizabkan haknya untuk memusnahkan rakaman-rakaman tersebut selepas satu tempoh masa yang difikirkan sesuai.

(i)

Pelanggan bersetuju untuk tidak membantah kepada keboleh-terimaan rakaman-rakaman tersebut sebagai bukti keterangan di dalam prosiding-prosiding guaman atas dasar-dasar bahawa mereka tidak asal atau bukan dalam bentuk bertulis.

(ii)

f. Gangguan Perkhidmatan

Bank boleh (tetapi tidak mempunyai kewajipan untuk) menggantung apa-apa perkhidmatan di bawah BTB yang mana difikirkan oleh Bank sebagai perlu atau dinasihatkan untuk melakukan sedemikian, termasuk tetapi tidak terhad kepada, apabila:

- Bank mempunyai alasan untuk percaya bahawa terdapat satu pelanggaran keselamatan yang sebenar atau berpotensi;
- Pelanggan tidak berjaga-jaga untuk memastikan keselamatan penggunaan BTB; atau
- penyelenggaraan rutin, bukan-rutin atau kecemasan adalah diperlukan.

(ii)

Bank akan menggunakan usaha-usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pelanggan jika mana-mana perkhidmatan di bawah BTB adalah tidak sedia ada. Jika Bank telah mengenakan caj secara spesifik untuk satu perkhidmatan tertentu yang tidak sedia ada (bukan merujuk kepada fi berkala tersebut yang dikenakan untuk BTB secara sepenuhnya), Bank akan membayar balik kepada Pelanggan caj-caj spesifik tersebut dan selepas berbuat demikian, Bank tidak akan mempunyai apa-apa liabiliti lanjutan kepada Pelanggan.

(i)

g. Maklumat Pelanggan

Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat yang diminta oleh Bank secara munasabah dari masa ke semasa untuk tujuan BTB.

(ii)

h. Tanggungjawab-tanggungjawab Keselamatan Pelanggan

Pelanggan bersetuju bahwa adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menyemak semula dengan kerap kawalan-kawalan keselamatan untuk:

- PBN dan/atau PIN; dan
- penggunaan BTB.

Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa setiap Wakil yang Diberikuasa mematuhi:

- prosedur-prosedur keselamatan dalam Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini; dan
- arahan-arahan atau cadangan-cadangan Bank bagi keselamatan perbankan telefon.

Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa setiap Wakil yang Diberikuasa menyimpan PBN dan PIN mereka dengan selamat pada semua masa dan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk menghalang penggunaan oleh mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa seperti berikut, tetapi tidak terhad kepada:

- tidak membuat rekod PBN dan PIN mereka dalam satu cara yang mungkin boleh difahami oleh orang lain;
 - tidak mendedahkan PBN dan PIN mereka kepada orang lain (termasuk pekerja Bank);
 - memusnahkan apa-apa nasihat dari Bank tentang PBN dan PIN mereka dengan serta merta selepas penerimaan;
 - elak daripada menggunakan PIN-PIN yang boleh diteka dengan senang seperti tarikh-tarikh lahir, nombor telefon, dll;
 - memaklumkan Bank secara serta merta jika mereka mengetahui atau mengesyaki bahawa orang lain mengetahui PBN dan PIN mereka;
 - menggunakan BTB dalam satu cara yang selamat di mana tiada orang yang mengintai di bahu mereka, mereka tidak berada dalam lingkungan TV litar tertutup dan tiada orang yang boleh mengenali kekunci yang ditekan oleh mereka dalam telefon;
 - menukar PIN mereka dengan kerap dan tidak menggunakan bergilir-gilir di antara PIN-PIN yang telah digunakan sebelum itu; dan
 - menyimpan PBN dan PIN mereka dalam satu tempat yang selamat pada semua masa.
- (iv) Pelanggan dan/atau Wakilnya yang Diberikuasa hendaklah memberitahu Bank dengan serta merta dan menukar PIN-PIN mereka kepada satu yang tidak pernah digunakan sebelum itu jika:
- terdapat penggunaan BTB yang sebenar atau yang disyaki oleh seorang Orang yang tidak Diberikuasa; atau
 - seorang Orang yang Tidak Diberikuasa mengetahui PBN dan/atau PIN tersebut.
 - Pelanggan adalah terus bertanggungjawab untuk arahan-arahan tidak diberikuasa yang telah dilaksanakan sebelum Bank menggantungkan BTB untuk akaun (akaun-akaun) Pelanggan selepas notis.

Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis dengan serta merta untuk memberhentikan akses kepada BTB oleh Wakil yang Diberikuasa apabila:

- (i) • pelanggan mengesyaki bahawa terdapat salahlaku oleh Wakil yang Diberikuasa; atau
- (ii) • wakil yang Diberikuasa berhenti menjadi agen Pelanggan.

i. Liabiliti-liabiliti Pelanggan

Pelanggan akan bertanggungjawab untuk kesemua akibat yang disebabkan oleh penggunaan BTB dan/atau maklumat yang diperolehi melalui BTB.

Pelanggan akan bertanggungjawab untuk semua kerugian daripada transaksi-transaksi perbankan yang tidak diberikuasa jika terdapat kecuaian atau frod oleh Pelanggan dan/atau Wakil yang Diberikuasa, dan kecuaian termasuk tidak mematuhi



tanggungjawab -tanggungjawab keselamatan yang dinyatakan dalam Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini.

Pelanggan bersetuju untuk menanggung gantirugi:

- Bank;
 - mana-mana ahli dalam Kumpulan HSBC; dan
 - pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja masing-masing;
 - (secara kolektif, **“Orang-orang yang Ditanggung Gantirugi”**) terhadap kesemua liabiliti, tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, kos, caj dan perbelanjaan dalam apa sifat jua (termasuk fi guaman atas dasar indemniti penuh) yang mungkin ditanggung, dialami atau dikeluarkan disebabkan oleh:
 - penggunaan BTB oleh Pelanggan;
 - bertindak at as apa-apa arahan yang diterima melalui BTB yang dikatakan
 - datang daripada Pelanggan atau Wakil yang Diberikuasa; dan/atau
 - pelaksanaan hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini tetapi tidak termasuk apa-apa kerugian langsung dan boleh diramalkan secara munasabah yang disebabkan secara tunggal oleh kecuaian terlambau atau keingkaran dengan sengaja oleh mana-mana Orang yang Ditanggung Gantirugi. Indemniti ini akan berterusan walaupun BTB ditamatkan dan/atau akaun ditutup.
- (iii) Pelanggan bersetuju untuk bekerjasama sepenuhnya dengan Bank dalam penyiasatan-peniyasatan frod. Mana-mana kegagalan untuk berbuat sedemikian termasuk menahan maklumat akan dianggap sebagai kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini, dan Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.
- (iv)

(j) Liabiliti-liabiliti Bank

Bank akan mengambil langkah berhati-hati yang munasabah untuk memastikan bahawa apa-apa maklumat yang diberikan melalui BTB mencerminkan maklumat dalam sistem komputer Bank dengan tepat.

Bank, mana-mana ahli Kumpulan HSBC, mahupun pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja mereka masing-masing (secara kolektif, **“Orang-orang Relevan”**) tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh yang berikut, kecuali untuk apa-apa kerugian langsung dan boleh diramal (sehingga tahap jumlah transaksi perbankan yang relevan) yang disebabkan secara tunggalnya oleh kecuaian terlambau atau keingkaran dengan sengaja oleh mana-mana Orang Relevan:

- penggunaan BTB dan/atau maklumat yang diperolehi melalui BTB oleh Pelanggan atau mana-mana orang lain (samada diberikuasa atau tidak);
- pendedahan PBN dan/atau PIN atau apa-apa nasihat tentang PBN dan/atau PIN kepada mana-mana Orang yang Tidak Diberikuasa;
- kemungkiran Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini atau kegagalan untuk menggunakan BTB dengan berjaga-jaga;
- Bank bertindak ke atas apa-apa arahan (samada diberikuasa atau tidak) atau Bank menyalahafsirkan apa-apa arahan tertakluk kepada syarat bahawa Bank telah bertindak secara suci hati;



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

- apa-apa ketidaksediaan BTB, apa-apa penangguhan atau gangguan dalam transmisi arahan-arahan atau maklumat yang disebabkan oleh keadaan-keadaan di luar kawalan Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - kegagalan apa-apa telekomunikasi atau rangkaian telekomunikasi data;
 - kegagalan mekanikal atau elektrik;
 - kerosakan atau ketidak-fungsian peralatan, kemudahan-kemudahan atau sistem-sistem komputer;
 - mogok, tindakan industri atau pertikaian perniagaan (samada melibatkan pekerja-pekerja Bank atau tidak);
 - pergolakan sivil atau tindakan kerajaan;
 - tindakan atau peninggalan oleh mana-mana pihak ketiga;
 - apa-apa undang-undang, peruntukan, peraturan, kod, garis panduan, arahan atau perintah (samada mempunyai kuasa
 - undang-undang atau tidak);
 - frod atau kelakuan tidak jujur oleh mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penipuan melalui telefon;
 - pendedahan maklumat Pelanggan kepada mana-mana pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada Pusat Biro Kredit;
 - maklumat Pelanggan tidak tepat atau dinyatakan dengan salah untuk apa-apa sebab juga, termasuk tetapi tidak terhad kepada: - kecuaian (bukan kecuaian terlampau) atau keingkaran (bukan keingkaran dengan sengaja) oleh Bank, mana-mana ahli Kumpulan HSBC, mana-mana pihak ketiga atau pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja masing-masing; atau
 - penangguhan atau gangguan dalam memberitahu atau mengemaskinikan perubahan-perubahan kepada maklumat Pelanggan;
 - pergantungan oleh Pelanggan, Wakil-wakil yang Diberikuasa atau mana-mana pihak ketiga kepada maklumat Pelanggan yang tidak tepat atau dinyatakan dengan salah.
- (iii) Bank dan ahli-ahli Kumpulan HSBC langsung tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa gantirugi kebetulan, tidak langsung, khas, turutan, atau tauladan termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana kehilangan penggunaan, pendapatan (revenue), keuntungan-keuntungan atau simpanan-simpanan yang dialami oleh pelanggan atau mana-mana orang lain.
- (iv) Bank tidak mempunyai kewalipan untuk memantau penggunaan BTB oleh Pelanggan untuk apa-apa kegagalan untuk mematuhi Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini termasuk tanggunglawab-tanggunglawab keselamatan Pelanggan atau memaklumkan Pelanggan tentang kegagalan tersebut.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

Pembekalan BTB yang berterusan walaupun Pelanggan memungkiri Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini (samada Bank mengetahui kemungkinan tersebut atau tidak) tidak boleh dianggap sebagai pengenepian hak-hak Bank di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini.

(v)

k. Cal-cal, Terma-terma Tambahan, Penggantungan/Pembatalan BTB

Pelanggan bersetuju untuk membayar cal-cal (lika ada) untuk BTB seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif & Cal-cal Bank di laman web Bank di www.hsbc.com.my. Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan mana-mana akaun Pelanggan untuk cal-cal tersebut. Pelanggan mengakui bahawa cal-cal ini adalah tambahan kepada apa-apa cal lain yang terpakai untuk melaksanakan arahan-arahan yang diberikan melalui BTB.

(i)

(ii) Pelanggan mengakui bahawa Pelanggan akan menanggung cal-cal telefon semasa menggunakan BTB.

(iii)

Bank merizabkan hak untuk memperkenalkan ciri-ciri baru untuk BTB tertakluk kepada terma-terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.

(iv)

Bank boleh pada bila-bila masa, dengan notis kepada Pelanggan, menggantung atau memberhentikan BTB dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.

(i)

l. Kuasa dan Indemniti

Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk bertindak atas arahan-arahan bertulis mengenai pentadbiran BTB, apabila ditandatangani atau dikatakan ditandatangani oleh penandatangan (penandatangan-penandatangan) yang diberikuasa yang relevan. Arahan-arahan bertulis tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada:

(ii)

- membatalkan atau menggantikan mana-mana Wakil yang Diberikuasa;
- menetapkan semula mana-mana PIN; atau
- mengambil apa-apa tindakan untuk pelaksanaan BTB yang berterusan dan teratur.

Jika arahan-arahan bertulis dihantar kepada Bank melalui transmisi faksimili, Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk bertindak ke atasnya tanpa kuasa atau pengesahan lanlutan daripada Pelanggan. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga disebabkan oleh transmisi faksimili tersebut tidak diberikuasa atau palsu, dan Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Bank terhadap apa-apa tuntutan dan permintaan yang timbul daripadanya.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

Meskipun terdapat perenggan (I)(ii) di atas, Bank mempunyai hak untuk tidak bertindak ke atas apa-apa arahan bertulis yang diterima melalui transmisi faksimili. Bank bersetuju untuk menggunakan usaha-usaha yang munasabah untuk memaklumkan Pelanggan lika Bank tidak bertindak ke atas arahan-arahan faksimili tersebut.

(iii) Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan yang disebabkan oleh apa-apa penangguhan semasa melaksanakan arahan-arahan bertulis tersebut.

(iv)

m. Penamatatan

(i) Bank atau Pelanggan boleh memberhentikan BTB untuk akaun (akaun-akaun) Pelanggan dengan memberikan notis bertulis terdahulu sekurang-kurangnya 2 hari kepada pihak yang satu lagi.

(ii) Bank atau Pelanggan boleh memberhentikan BTB untuk akaun (akaun-akaun) Pelanggan dengan serta merta melalui notis bertulis kepada pihak yang satu lagi, lika pihak yang satu lagi telah memungkiri Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini secara material atau menladi tidak solven di bawah undang-undang yang terpakai.

(iii)

Penamatatan tidak akan menlelaskan:

- hak-hak dan remedи-remedi yang terakru atau kewajipan-kewajipan dan liabiliti-liabiliti yang belum dilaksanakan untuk kedua-dua pihak setakat tarikh penamatatan;
- mana-mana bahagian Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini yang dimaksudkan atau diperlukan untuk terpakai walaupun selepas penamatatan.

n. Agensi dan Notis-notis

(ii) Bank merizabkan hak untuk melantik agen (agen-agen) untuk memperuntukkan semua atau sebahagian daripada BTB, dan rulukan-rulukan kepada Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini kepada "**Bank**" merangkumi agen (agen-agen) tersebut termasuk klausula-klausula penghadan liabiliti.

Semua notis-notis dan komunikasi-komunikasi di bawah Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini:

- Daripada Bank kepada Pelanggan; atau
- Daripada Pelanggan kepada Bank;

akan mengikut bentuk dan cara penghantaran yang dinyatakan dalam Terma & Syarat Generik tersebut.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

9. Perbankan Telefon Perniagaan (Business Telephone Banking) (BTB) (bersambung)

- o. Konflik & Aturan Kedahuluan

Penggunaan BTB adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:

Terma-terma & Syarat-syarat BTB ini; dan

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.

(i)

10. eBayaran Berkanun (“eStatutory Payments”) (ESP)

- a. Definisi-definisi

“Bayaran Pukal” (“Bulk Payments”) bermaksud bayaran pelbagai melalui arahan tunggal berkenaan dengan sumbangan-sumbangan berkanun atau potongan-potongan gaji atau upah pekerja-pekerja Pelanggan yang kena dibayar kepada Badan Berkanun.

“Akaun Pungutan” bermaksud akaun (akaun-akaun) tertentu Badan Berkanun yang relevan dengan Bank khusus bagi mengkreditkan Bayaran Pukal di bawah ESP.

“E-mel Enkripsi” bermaksud mel elektronik enkripsi yang dihantar dan/atau diterima melalui laman web internet khusus yang dihoskan pada server entiti kumpulan HSBC yang terletak sama ada dalam atau di luar Malaysia.

“ESP” (atau **“eBayaran Berkanun”**) bermaksud satu perkhidmatan melaksanakan arahan Pelanggan yang diterima oleh Bank melalui E-mel Enkripsi untuk membuat atau memindahkan Bayaran Pukal bagi pihak Pelanggan kepada Badan Berkanun tertentu.

“Akaun Yang Dicalonkan” bermaksud akaun khas Pelanggan dengan Bank untuk mendebitkan Bayaran Pukal di bawah ESP.

“Pengguna Yang Dicalonkan” bermaksud mana-mana individu yang dicalonkan dan diberikuasa oleh Pelanggan untuk menyerahkan atau memberi arahan Bayaran Pukal kepada Bank melalui E-mel Enkripsi bagi tujuan ESP.

“Kata Laluan” bermaksud kata laluan yang digunakan oleh Pengguna yang Dicalonkan untuk mengakses Enkripsi E-mel.

“Badan Berkanun” bermaksud badan kerajaan atau pihak berkuasa tertentu yang ditubuhkan atau dibentuk sebagai satu badan korporat di bawah kanun atau undang-undang tertentu.



Tajuk-tajuk klausula tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausula-klausula.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

10. eBayaran Berkanun (“eStatutory Payments”) (ESP) (bersambung)

“Individu Yang Tidak Diberikuasa” bermaksud individu-individu lain selain daripada Pengguna Yang Dicalonkan.

- b. Semua Pengguna Yang Dicalonkan merupakan wakil kepada Pelanggan semasa menggunakan ESP dan Pelanggan akan memastikan bahawa setiap Pengguna Yang Dicalonkan mempunyai pengetahuan dan mematuhi segala Terma-terma dan Syarat-syarat ESP ini.
- (ix)
- b. Arahuan untuk Bayaran Pukal akan dihantar oleh Pengguna Yang Dicalonkan kepada Bank melalui ESP. Bank akan mendebit sejumlah wang daripada Akaun Yang Dicalonkan seperti yang diperuntukkan di dalam arahan Bayaran Pukal dan dikreditkan ke dalam Akaun Pungutan pada hari perbankan yang sama atas syarat bahawa arahan untuk Bayaran Pukal diterima dengan teratur dan mengikut kepuasan pihak Bank mengikut takat waktu harian (daily cut-off time).
- c. Pelanggan dan setiap Pengguna Yang Dicalonkan mesti mematuhi kepada takat waktu yang terpakai sebagaimana yang dinyatakan oleh bank dari masa ke semasa. Mana-mana arahan Bayaran Pukal yang diterima selepas takat waktu yang terpakai hanya akan diproses pada hari perbankan berikutnya.
- “Hari Perbankan” adalah merujuk kepada mana-mana hari selain dari hari Sabtu, Ahad, cuti kebangsaan dan negeri dan cuti Bank yang terpakai di Kuala Lumpur iaitu cawangan utama Bank di No. 2, Leboh Ampang, 50100 Kuala Lumpur, Malaysia yang dibuka untuk perniagaan. Semua rujukan kepada waktu dan tarikh yang dinyatakan di dalam E-mel Enkripsi adalah merujuk kepada waktu dan tarikh di Malaysia melainkan dinyatakan secara khusus oleh Bank.
- e. Pelanggan dan setiap Pengguna Yang Dicalonkan bersetuju dengan penggunaan E-mel Enkripsi dan akur dengan servers yang terletak di luar Malaysia.
- f. Pelanggan bersetuju untuk memastikan bahawa akses Pengguna Yang Dicalonkan ke ESP melalui komputer yang dikemaskini dengan perisian anti-virus dan anti-spyware, dan Pengguna Yang Dicalonkan menyimpan Kata Laluan dengan selamat pada setiap masa dan mengambil langkah berjaga-jaga dengan teliti bagi mengelakkan apa-apa akses oleh mana-mana Individu Yang Tidak Diberikuasa.
- (i)
- h. Pelanggan boleh menamatkan penggunaan ESP dengan memberikan notis pendahuluan bertulis selama 30 hari kepada Bank.
- i. Pelanggan dan Pengguna Yang Dicalonkan mesti mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat ESP ini dan arahan-arahan Bank dan/atau prosedur-prosedur bagi penggunaan ESP, dan jika gagal berbuat demikian, Bank hendaklah:
- tidak bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan atau Pengguna Yang Dicalonkan; dan



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

10. eBayaran Berkanun ("eStatutory Payments") (ESP) (bersambung)

berhak untuk menggantungkan atau menamatkan penggunaan ESP.

- j. Pelanggan mengakui bahawa ESP boleh diakses melalui internet iaitu satu sistem umum di mana Bank tiada kuasa mengawal, dan tiada jaminan diberikan oleh Bank atau mana-mana entiti di bawah kumpulan HSBC bahawa ESP adalah bebas daripada virus-virus komputer yang akan memberi kesan kepada perkakasan atau perisian yang digunakan oleh Pelanggan dan/atau Pengguna Yang Dicalonkan.
- k. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan dan/atau Pengguna Yang Dicalonkan berkaitan dengan penggunaan ESP atas apa-apa alasan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:-
 - arahan Bayaran Pukal yang tidak sahih, tidak lengkap, tidak diberikuasa atau penipuan;
 - (i) kehilangan atau kemusnahan data, perisian, perkakasan, rangkaian komputer, telekomunikasi atau apa-apa peralatan;
 - (ii) ketidak-sediaan, kelewatan atau gangguan ke atas ESP disebabkan oleh apa-apa keadaan yang diluar kawalan Bank, seperti hilang kuasa, kerosakan atau ketidak-fungsian peralatan, kemudahan-kemudahan, sistem-sistem komputer, sistem pemprosesan data, telekomunikasi atau data rangkaian komunikasi, jaluran terminal sambungan atau jaluran penghantaran; atau
 - (iii) kerosakan-kerosakan sampingan, tidak langsung, khusus, berterusan atau kerosakan teladan; atau apa-apa kerugian kepenggunaan, hasil, keuntungan atau simpanan.
- l. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos-kos dan perbelanjaan apa-apa sahaja yang ditanggung, dialami atau berlaku kepada Bank akibat daripada pembekalan ESP. Jaminan gantirugi ini adalah berterusan tanpa mengambil kira penamatkan penggunaan ESP dan/atau penutupan akaun.
- m. Pelanggan bersetuju untuk memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Bank dari masa ke semasa bagi tujuan ESP.
- n. Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis untuk menamatkan akses ESP oleh Pengguna Yang Dicalonkan apabila:
 - Pelanggan mengesyaki apa-apa kejanggalan dari pihak Pengguna Yang Dicalonkan; atau
 - Pengguna Yang Dicalonkan berhenti menjadi wakil kepada Pelanggan.



Tajuk-tajuk klausu tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausu-klausu.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

10. eBayaran Berkanun (“eStatutory Payments”) (ESP) (bersambung)

- o. Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk menentusahkan identiti individu yang menghantar arahan Bayaran Pukal melalui ESP selain daripada memastikan bahawa ianya dihantar dari alamat surat-menyerat elektronik yang betul (dinyatakan di dalam borang permohonan ESP atau borang pindaan atau seperti yang dikemaskinikan oleh Pelanggan dari masa ke semasa).
- p. Pihak Bank boleh pada bila-bila masa menarik balik, menggantungkan, atau membatalkan ESP dengan memberikan notis awal yang munasabah dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa apa kerugian atau kemusnahan yang dialami oleh Pelanggan.
- q. Jika berlakunya mana-mana perkara yang berikut di bawah, Bank berhak untuk menamatkan ESP dengan serta-merta dan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerugian atau kemusnahan yang dialami oleh Pelanggan:
 - apa-apa petisyen yang dibuat atau perintah oleh mahkamah atau resolusi yang diluluskan untuk kebankrapan, penggulungan atau pembubaran atau perlantikan pelikuidasi, penerima, pengurus, pemegang amanah, atau pegawai rasmi yang sama (similar official) ke atas Pelanggan; atau
 - (i)
 - (ii) apa-apa distress atau perlaksanaan dilaksanakan ke atas mana-mana aset Pelanggan; atau
 - (iii)
 - (iv) Akaun Yang Dicalonkan digantung atau ditutup; atau
 - Akaun Pungutan digantung atau ditutup.
- r. Bank adalah berhak untuk memperkenalkan ciri-ciri terbaru ESP tertakluk kepada terma-terma tambahan yang akan dimaklumkan kepada Pelanggan.
- s. Sebagai tambahan ke atas apa yang telah dinyatakan di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Am di bawah klausu “Notis-notis”, notis-notis kepada Pelanggan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ESP ini boleh diberikan oleh Bank secara elektronik atau melalui ESP, dan akan dianggap telah diterima secara serta merta selepas transmisi kepada nombor faksimili, nombor telek, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit terakhir Pelanggan yang dimaklumkan secara bertulis kepada Bank.
- t. Bank dan Pelanggan bersetuju untuk mematuhi semua undang-undang perlindungan data dan undang-undang bagi tujuan-tujuan serupa yang lain yang terpakai dalam semua bidangkuasa yang relevan. Pelanggan mengakui bahawa adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk mendapatkan satu persetujuan bertulis yang wajar daripada pekerja-pekerja dan individu-individu lain sebelum data peribadi dan/atau data-data lainnya dihantar, diproses atau dikendalikan melalui ESP. Pelanggan bersetuju untuk memberikan salinan-salinan persetujuan tersebut kepada Bank jika diminta. Pelanggan bersetuju untuk membayar gantirugi kepada Kumpulan HSBC terhadap segala kos, penalti, kerosakan dan kerugian-kerugian lain yang tertanggung akibat dari kemungkiran Pelanggan dalam



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

10. eBayaran Berkanun (“eStatutory Payments”) (ESP) (bersambung)

mematuhi peruntukan ini. Jaminan gantirugi ini akan berterusan tanpa mengambil kira penamatkan ESP dan/atau penutupan akaun.

- u. Penggunaan ESP adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Generik dan Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara Terma-terma dan Syarat-syarat Spesifik yang terpakai, ianya hendaklah mengikut keutamaan (prevail) di dalam aturan berikut:

Terma-terma & Syarat-syarat ESP ini; dan

- (i) Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik yang terpakai untuk akaun tersebut.

(ii)

11. Deposit-deposit Cek & Tunai

- a. Pelanggan bersetuju untuk mengikut prosedur-prosedur yang ditetap oleh Bank secara betul apabila menggunakan kemudahan-kemudahan automatik yang dibekalkan oleh Bank bagi deposit cek and tunai. Pelanggan bersetuju bahawa kesemua cek-cek yang tidak dipalangkan hendaklah dipalangkan dengan menulis 2 garisan diagonal yang selari pada bahagian atas sudut kiri cek sebelum mendepositkannya untuk mengelakkan pengendorsan atau perubahan penipuan yang dibuat kepada cek.
- b. Pelanggan mengakui bahawa kesemua deposit tunai (selain daripada melalui kemudahan deposit tunai automatik) mesti diserahkan secara terus kepada juruwang Bank. Pelanggan bersetuju bahawa ia tidak akan meninggalkan wang tunai tanpa jagaan sehingga juruwang Bank menerimaanya secara fizikal dan juga bersetuju untuk:
 - (i) menghitung wang tunai yang diterima sebelum meninggalkan kaunter kerana Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan selepas wang tunai diserahkan kepada Pelanggan dan Pelanggan telah meninggalkan kaunter; dan
 - menyemak semua nasihat transaksi debit dan kredit dengan transaksi kaunter;

DAN Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan akibat daripada kegalannya untuk berbuat demikian.

- c. Semua deposit yang dibuat melalui apa-apa cara juga, hendaklah dianggap sebagai dibuat selepas 2 orang pekerja Bank mengesahkannya, menjelasnya dan memasukkannya ke dalam rekod-rekod Bank.
- d. Pelanggan mengakui bahawa jumlah deposit yang ditunjukkan pada paparan video kemudahan automatik atau slip nasihat mungkin masih menunggu pengesahan dan/ atau kelulusan dan maka tidak akan dianggap seperti diterima untuk nilai sehingga jumlah yang dideposit telah dimasukkan ke dalam rekod-rekod Bank.



Pelanggan juga mengakui bahawa cek dan deposit tunai yang dibuat melalui kemudahan automatik yang disediakan oleh Bank akan diproses mengikut masa yang ditetapkan oleh Bank seperti yang tertera di paparan skrin kemudahan tersebut dan jika tidak tertera di skrin kemudahan tersebut, di lobi Express Perbankan Bank.

12. Cek Matawang Asing

- a. Pelanggan mengakui bahawa:
 - Bank mungkin tertakluk kepada undang-undang asing apabila mengutip cek-cek matawang asing bagi pihak Pelanggan daripada bank pembayar di luar Malaysia ("pengutipan asing");
undang-undang asing mungkin membenarkan bank pembayar untuk menuntut pembayaran balik daripada Bank dalam 6 tahun selepas cek ditunaikan.
- b. Pelanggan bersetuju:
 - (ii) bahawa Bank merizabkan haknya untuk mendebitkan akaun Pelanggan untuk pembayaran balik;
 - (i) bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan; dan
 - (ii) untuk membayar gantirugi kepada Bank untuk kesemua tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kos dan perbelanjaan yang dihadapi, dialami atau dikeluarkan oleh Bank akibat daripada pengutipan asing. Gantirugi ini akan berterusan walaupun mana-mana perkhidmatan ditamatkan dan/atau mana-mana akaun ditutupkan.
- (f) Pelanggan selanjutnya mengakui dan bersetuju:
 - (ii) bahawa Bank boleh dalam budi bicaranya menolak untuk menerima pengutipan atau pembelian apa-apa cek matawang asing, bil atau instrumen lain walaupun tidak mempunyai ketidakteraturan atau pengubahan atas cek matawang asing, bil atau instrumen lain tersebut atau bahawa pengubahan tersebut telah disahkan oleh tandatangan Pelanggan kerana Bank mungkin tidak dapat memberikan bantuan penjelasan ke atasnya;
 - (iii) bahawa Bank tidak mempunyai obligasi untuk memberi alasan-alasan bagi melaksanakan budi bicaranya dalam menolak untuk menerima pengutipan atau pembelian apa-apa cek matawang asing, bil atau instrumen lain; dan
bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

13. Penghantaran Wang Masuk (Inward)

- a. Bank merizabkan haknya:
 - (i) untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan jumlah yang bersamaan dengan jumlah yang dikreditkan lebih awal, apabila cek, instrumen, perintah atau arahan pembayaran yang relevan adalah kemudiannya dikembalikan tanpa bayaran atau tidak boleh diserahkan atau ditunaikan akibat daripada kehilangan atau kerosakan atau salah letak dalam proses penyerahan atau, jika jumlah telah salah dikreditkan pada permulaannya, dan Bank tidak harus bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian yang dialami oleh Pelanggan;
 - (ii) untuk meminda nasihat, slip bayaran masuk kerana kesilapan, penambahan yang salah, peninggalan item, atau pengutipan cek pembayaran pihak ketiga yang salah;
 - (iii) untuk menghentikan apa-apa penghantaran wang masuk (inward) yang memihak kepada Pelanggan jika maklumat mengenai penghantar yang diterima oleh Bank adalah tidak lengkap atau jika pemula tidak memberikan Bank dengan tujuan pengiriman wang dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kelengahan atau penolakan penghantaran wang masuk (inward); dan
 - (iv) untuk membatalkan apa-apa pembayaran yang diterima melalui Interbank GIRO daripada seorang residen atau akaun eksternal untuk kredit ke akaun eksternal Pelanggan dengan Bank, jika pemula tidak memberikan Bank dengan tujuan pembayaran, atau jika jumlah tersebut melebihi RM10,000 sehari dan/atau jika ianya adalah berasal daripada sumber yang tidak dibenarkan di bawah peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing (Foreign Exchange Administration regulations).
- b. Pelanggan bersetuju:
 - (i) bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan bagi apa-apa kerugian, kesilapan, ketinggalan atau kelewatan oleh bank koresponden, penjelasan atau perantara yang mungkin akan berlaku dalam pemindahan atau penghantaran wang masuk ke dalam akaun Bank Pelanggan melainkan disebabkan oleh kecuaian atau keingkaran Bank; dan
 - (ii) bahawa Bank hanya boleh mengkredit dana ke dalam akaun Pelanggan selepas menerima dana daripada bank koresponden, penjelasan atau perantara.

14. Penghantaran Wang Keluar (Outward Remittances)

- a. Pelanggan mengakui bahawa:
 - kesemua permohonan untuk penghantaran wang ke luar (contohnya pemindahan telegrafik, deraf-deraf permintaan (demand drafts), cashier's orders, RENTAS, Interbank GIRO) adalah tertakluk kepada waktu batas harian Bank;



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

14. Penghantaran Wang Keluar (Outward Remittances) (bersambung)

permohonan untuk nilai hari yang samadalah juga tertakluk kepada waktu-waktu batas berdasarkan lokasi geografi penerima;

permohonan untuk penghantaran wang ke luar yang diterima selepas waktu batas yang relevan hanya akan diproses pada hari perbankan yang seterusnya; dan

(ii) bagi penghantaran wang yang bergantung kepada institusi-institusi lain, Bank akan memproseskan permohonan menurut waktu batas harian Bank dan menghantar yang sama kepada institusi yang lain untuk pemprosesan mereka dan Bank tidak

(iii) (iv) yang sama kepada institusi yang lain untuk pemprosesan mereka dan Bank tidak harus bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk apa-apa kelengahan dan/atau kesilapan di dalam pemprosesan oleh institusi lain.

b. Pelanggan bersetuju bahawa:

(i) permohonan untuk pemindahan-pemindahan atau deraf-deraf permintaan akan dilaksanakan oleh Bank di dalam matawang yang dibayar oleh Pelanggan kepada Bank, kecuali Pelanggan secara spesifiknya memberikan kepada Bank arahan bertulis yang berlainan;

(ii) jika Bank tidak berupaya untuk memberikan satu penyata harga yang kukuh untuk kadar penukaran atas apa-apa sebab, Bank akan melaksanakan penghantaran wang ke luar berdasarkan satu kadar sementara dan apabila kadar sebenar diketahui, apa-apa perbezaan di antara kadar sementara dan kadar sebenar hendaklah didebitkan atau dikreditkan ke dalam akaun Pelanggan; dan

kesemua caj untuk penghantaran wang akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan.

c. Bank mempunyai budi bicara untuk menghantar pemindahan telegrafik secara harafiah atau dalam kod (in cipher). Pelanggan mengakui bahawa pemindahan telegrafik (termasuk deraf-deraf permintaan jika dihantar bagi pihak Pelanggan di atas pemintaan Pelanggan) adalah dihantar pada risiko tunggal Pelanggan.

d. Bank merizabkan haknya untuk mengeluarkan wang untuk pemindahan telegrafik atau deraf permintaan dari tempat yang lain selain daripada yang dinyatakan secara spesifik oleh Pelanggan jika keadaan operasi Bank meperuntukkannya.

e. Pelanggan mesti memastikan bahawa bank penerima dan butiran benefisiari adalah tepat dan lengkap dalam boring permohonan.

f. Pelanggan mengakui bahawa pemindahan dana-dana daripada akaun kad kredit ke mana-mana akaun pihak ketiga melalui Interbank GIRO adalah dianggap sebagai pendahuluan tunai dan Perjanjian Pemegang Kad yang relevan adalah terpakai.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

14. Penghantaran Wang Keluar (Outward Remittances) (bersambung)

- g. Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan:
- bagi apa-apa kelengkahan atau penolakan oleh pihak-pihak penerima atau perantara yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran dan/atau penggunaan dana;
 - (i) bagi kelengkahan atau penolakan pemindahan telegrafik (yang timbul daripada butir-butir pembayaran yang tidak tepat atau lengkap yang disediakan oleh Pelanggan) untuk apa-apa kesilapan, peninggalan atau kecacatan yang akan berlaku semasa penghantaran mesej (secara harafiah atau dalam kod) atau kesalahan penafsiran oleh pihak penerima atau perantara apabila menerimanya; atau
 - (ii) kerugian yang timbul daripada mana-mana di atas.

(iii)

15. Melaksanakan Arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang

- a. Bank merizabkan haknya untuk melaksanakan arahan Pelanggan untuk membayar atau menghantar wang dengan apa-apa cara yang difikirkan secara munasabah sesuai oleh Bank sekiranya arahan tersebut adalah tidak jelas atau bagi apa-apa sebab lain yang Bank akan memberitahu Pelanggan.
- b. Pelanggan mengakui bahawa apa-apa permintaan untuk membatalkan satu arahan untuk pembayaran atau penghantaran wang mestilah dibuat secara bertulis dan Bank mempunyai budi bicara sama ada untuk membatalkannya atau tidak sekiranya arahan tersebut tidak diberikan dalam masa yang dikehendaki oleh Bank, atau adalah tidak jelas atau bagi apa-apa sebab yang Bank akan memberitahu Pelanggan. Sebarang pembatalan akan tertakluk kepada hak Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan untuk semua caj dan sebarang kerugian pertukaran asing yang timbul daripada pembatalan.
- c. Jika arahan pembayaran atau penghantaran wang Pelanggan perlu dilaksanakan melalui satu sistem pembayaran atau penjelasan yang dioperasikan oleh pihak ketiga, Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menggunakan mana-mana koresponden, agen, sub-agen, agensi atau institusi-institusi kewangan lain (dirujuk secara kolektif sebagai "Pihak Perantara"), dan Pelanggan memberi persetujuannay kepada Bank untuk mendedahkan kesemua maklumat yang perlu kepada mereka. Pelanggan mengakui bahawa pembayaran/ penghantaran wang tersebut selepas menolak apa-apa caj yang terpakai, hendaklah dikreditkan ke akaun beneficiari berdasarkan secara tunggal kepada nombor akaun yang diberikan oleh Pelanggan.
- d. Pelanggan bersetuju bahawa Bank atau Pihak Perantara yang relevan tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan, kelengkahan, kesilapan, peninggalan, kegangguan, kesalahan penafsiran atau hasil-hasil (outcome) yang lain akibat daripada arahan pembayaran atau penghantaran wang dihantar atau diterima melalui apa-apa saluran komunikasi jika tidak disebabkan oleh kecuaian atau kesalahan Bank atau perantara yang relevan.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

15. Melaksanakan Arahan Pembayaran Keluar/ Penghantaran Wang (bersambung)

- e. Pelanggan bersetuju kepada pendedahan nama dan nombor akaun Pelanggan oleh Bank di dalam butir-butir transaksi yang dihantar kepada institusi-institusi kewangan penerima dan/atau pembayar.

16. Melaksanakan Arahan Tetap/ Berkala (Standing Instruction/ Periodic Instruction)

- a. Pelanggan bersetuju untuk memberitahu Bank secara bertulis atau melalui saluran-saluran yang dibekalkan oleh Bank, apa-apa pengubahan atau pindaan kepada:
 - jumlah-jumlah pembayaran atau had pembayaran;
 - (i) cara pembayaran; dan/atau
 - (ii) tempoh masa berkala untuk bayaran;
 - (iii) untuk arahan tetap atau bayaran berkala tertakluk kepada hak Bank untuk menentukan susunan kedahuluan bayaran dari dana-dana Pelanggan, Pelanggan mengakui bahawa pengubahan atau pindaan tersebut hendaklah berkuatkuasa 1 minggu dari penerimaan notis tersebut oleh Bank.
- b. Pelanggan bersetuju bahawa Bank boleh menamatkan arahan tetap atau bayaran berkala untuk bayaran masa hadapan pada bila-bila masa, melalui (i) pemberian notis bertulis kepada Pelanggan oleh Bank, atau (ii) selepas penerimaan pengesahan bertulis daripada penerima bayaran yang dinamakan di dalam arahan-arahan tetap atau bayaran berkala bahawa tiada bayaran selanjutnya diperlukan.
- c. Pelanggan mengakui bahawa arahan tetap atau bayaran berkala akan dilaksanakan atas syarat bahawa terdapat dana-dana yang mencukupi di dalam akaun dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan untuk segala bayaran yang tidak dibuat kerana ketidakcukupan dana-dana.
- d. Jika arahan tetap atau bayaran berkala diberikan untuk satu pembayaran terhad, Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak mempunyai tanggungjawab untuk mengesahkan ketetapan jumlah-jumlah yang dikenakan oleh penerima bayaran, dan apa-apa pertikaian ke atas jumlah hendaklah diselesaikan oleh Pelanggan secara terus dengan penerima bayaran.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

17. Perkhidmatan Bayaran Automatik

a. Definisi-definisi

"Bayaran Automatik" bermaksud sejumlah bayaran-bayaran yang menggunakan sistem yang berdasarkan angka.

"Bayaran Masuk Automatik" bermaksud bayaran-bayaran kepada Pelanggan menggunakan Bayaran Automatik.

(i)

"Bayaran Keluar Automatik" bermaksud bayaran-bayaran oleh Pelanggan yang menggunakan Bayaran Automatik.

(ii)

"Perkhidmatan Bayaran Automatik" bermaksud sama ada Bayaran Masuk Automatik atau Bayaran Keluar Automatik.

(iii)

b. Pelanggan mengakui bahawa Perkhidmatan Bayaran Automatik adalah bergantung kepada sistem yang berdasarkan angka dan maka Bank tidak mempunyai obligasi untuk memastikan bahawa akaun/ nama penerima bayaran yang diberikan oleh Pelanggan adalah sama atau berdekatan dengan nama akaun di dalam rekod Bank, dan bersetuju bahawa pemindahan kepada atau daripada satu akaun yang mempunyai nombor yang sama seperti yang diberikan oleh Pelanggan adalah betul dan secara sepenuhnya melepaskan Bank daripada arahan Pelanggan.

c. Pelanggan memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan akaun Pelanggan dengan caj-caj untuk Perkhidmatan Bayaran Automatik seperti yang dinyatakan buat masa kini di dalam Tarif

(i) dan Caj-caj Bank di laman web Bank di www.hsbc.com.my.

d. Pelanggan mengakui bahawa:

(ii) arahan bayaran Pelanggan akan diproses mengikut keperluan system Bank dan mungkin tidak boleh diproses sekiranya arahan pembayaran tersebut jatuh pada tarikh cuti umum;

(iii) jika dana-dana di dalam akaun Pelanggan adalah tidak mencukupi dalam apa juar keadaan di bawah perkhidmatan Bayaran Keluar Automatik, ini akan menyebabkan arahan Pelanggan dibatalkan secara automatik;

Perkhidmatan Bayaran Automatik boleh ditamatkan oleh Bank pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu 7 hari secara bertulis kepada Pelanggan.

e. Pelanggan mengakui bahawa Bank adalah tidak bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kelengahan yang mungkin berlaku semasa pemindahan, penghantaran, kemasukan dan/atau penggunaan dana-dana di luar kawalan Bank.

f. Pelanggan bersetuju untuk membayar balik kepada Bank untuk segala tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang mana Bank mungkin alami akibat daripada perlaksaan arahan-arahan Pelanggan di bawah Perkhidmatan Bayaran Automatik.



Tajuk-tajuk klausa tidak akan mempengaruhi pentafsiran klausa-klausa.

Terma-terma & Syarat-syarat Spesifik untuk Perbankan Komersil

(Edisi September 2020)

17. Perkhidmatan Bayaran Automatik (bersambung)

- g. Pelanggan seterusnya mengakui bahawa jika tidak ada transaksi di bawah Perkhidmatan Bayaran Automatik (sama ada Bayaran Automatik Masuk/ Bayaran Automatik Keluar) bagi 15 bulan berturutan, Perkhidmatan Bayaran Automatik akan dinyahaktifkan dan tidak ada arahan Pelanggan (sama ada Bayaran Automatik Masuk/ Bayaran Automatik Keluar) akan diterima selepas itu melainkan dan sehingga ia diaktifkan semula oleh Bank mengikut budi-bicaranya atas permintaan bertulis Pelanggan.